



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.3 TAHUN 2003**

**TATACARA PENGAWALAN ANGGOTA
PENGUATKUASA PIHK BERKUASA TEMPATAN**

1. TUJUAN:

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan mengarahkan semua Pihak Berkusa Tempatan Negeri Johor (PBT) supaya mengambil tindakan yang dinyatakan di bawah ini selain meneruskan tindakan pengawalan biasa yang telah dipraktikkan di PBT masing-masing.

2. LATARBELAKANG:

Kebelakangan ini terdapat dua (2) isu utama yang melibatkan anggota penguatkuasa PBT:-

- 2.1. Pengelibatan anggota penguatkuasa PBT dengan gejala rasuah;
- 2.2. Keselamatan anggota penguatkuasa PBT.

Penglibatan anggota penguatkuasa PBT dengan gejala rasuah sering diperkatakan kerana PBT adalah agensi yang paling hampir dengan masyarakat di mana selain daripada memberikan kelulusan bagi perkara-perkara tertentu, PBT juga bertindak tegas untuk mengawal dan menghentikan aktiviti yang menyalahi mana-mana peruntukan dalam mana-mana Akta dan undang-undang kecil yang berkaitan.

Seterusnya dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan tersebut, terdapat kes-kes tertentu di mana anggota penguatkuasa PBT diancam/diugut keselamatannya. Ini mungkin disebabkan kerana ketegasan anggota penguatkuasa PBT terhadap mereka yang menyalahi peraturan walaupun peringatan dan nasihat telah diberikan.

Bertindak atas perkara-perkara di atas, maka pekeliling ini dikeluarkan supaya ianya dapat dijadikan garis panduan untuk mengawal pergerakan anggota penguatkuasa PBT dan juga supaya keselamatan mereka terjamin.

3. TINDAKAN-TINDAKAN PENGAWALAN:

3.1. Pemakaian anggota penguatkuasa.

- 3.1.1. Pakaian anggota penguatkuasa hendaklah mempunyai logo jabatan dan nama pegawai;
- 3.1.2. Bagi tujuan keselamatan semua anggota penguatkuasa PBT tidak dibenarkan memakai pakaian rasmi mereka kecuali bagi tujuan menjalankan siasatan, rodaan atau mengambil tindakan undang-undang.



- 3.1.3. Tidak dibenarkan memakai pakaian seragam anggota penguatkuasa diluar waktu pejabat kecuali bagi unsur tugas yang dinyatakan di para 3.1.2.

3.2. Kad Kuasa pegawai/angota penguatkuasa.

- 3.2.1. Semua pegawai/angota penguatkuasa hendaklah diberikan kad kuasa dan kad kuasa ini hendaklah dibawa setiap masa sewaktu menjalankan tugas operasi sama ada di waktu pejabat atau luar pejabat.

3.3. Penyeliaan sebuah almari khas.

- 3.3.1. Semua PBT hendaklah menyediakan sebuah almari khas bagi setiap anggota penuatkuasa bagi membolehkan mereka menyimpan pakaian dan barang-barang peribadi.

- 3.3.2. Almari khas ini boleh dibuka untuk pemeriksaan oleh pihak PBT atau mana-mana agensi pemeriksaan yang lain sekiranya perlu.

3.4. Penggunaan kenderaan peribadi ketika menjalankan rondaan/melaksanakan tindakan undang-undang.

- 3.4.1. Semua anggota penguatkuasa hendaklah mengelak dari menggunakan kenderaan sendiri ketika menjalankan rondaan/melaksanakan tindakan undang-undang.

- 3.4.2. Ini bertujuan supaya tiada pengecaman boleh dibuat oleh mana-mana pihak yang mungkin berniat jahat.

- 3.4.3. PBT pula hendaklah menyediakan kenderaan yang mencukupi atau memikirkan alternatif lain suaya penggunaan kenderaan sendiri dapat dielakan.

3.5. Pengawalan wang saku.

- 3.5.1. Selama ini pengawalan wang saku anggota penguatkuasa yang keluar bertugas tidak dikuatkuasakan. Maka, adalah wajar untuk diwujudkan kawalan dari segi wang saku bagi anggota-anggota penguatkuasa yang keluar menjalankan rondaan siasatan dan tindakan undang-undang.

- 3.5.2. Jumlah wang saku yang dibenarkan mengikut kategori ialah seperti berikut:-

3.5.2.1. Pegawai Penguatkuasa - RM 300.00

Ketua Unit Penguatkuasa - RM 20.00

Pembantu Penguatkuasa - RM 10.00



- 3.5.3. Pengawalan ini bertujuan untuk mengelakkan pegawai membuat sebarang pembelian semasa menjalankan tugas.

3.6. Giliran jadual bertugas.

- 3.6.1. PBT hendaklah membuat 'Giliran' bagi jadual bertugas anggota-anggota penguatkuasa. Jika sebelum ini mungkin terdapat anggota penguatkuasa yang sama sahaja menjalankan siasatan, rondaan dan tindakan di sesuatu tempat amalan ini hendaklah diberhentikan.
- 3.6.2. PBT hendaklah menyediakan jadual bertugas supaya tidak terdapat anggota penguatkuasa tertentu sahaja yang mengawal di sesuatu tempat.
- 3.6.3. PBT hendaklah memaklumkan status atau tindakan sebelum ini yang pernah diambil kepada semua anggota penguatkuasa supaya semua anggota maklum mengenai tindakan susulan yang akan diambil.
- 3.6.4. Selain bertujuan untuk mengelakkan mungkin berlakunya gejala rasuah, tindakan ini juga memberi kebaikan kepada anggota penguatkuasa daripada dicam oleh mana-mana pihak yang mungkin berniat jahat.

3.7. Merakam perbualan telefon.

- 3.7.1. Untuk mengelakkan berlakunya kebocoran maklumat mengenai tindakan yang hendak diambil, maka difikirkan wajar supaya semua perbualan telefon anggota penguatkuasa dirakam.
- 3.7.2. Untuk tujuan pengawal, PBT hendaklah memastikan bahawa telefon bimbit peribadi tidak dibawa/digunakan sewaktu menjalankan tugas siasatan, rondaan dan tindakan dan hendaklah disimpan di dalam alamari perbadai masing-masing.

3.8 Maklumat mengenai tindakan penguatkuasaan kepada anggota.

- 3.8.1. PBT hendaklah memastikan supaya arahan-arahan untuk menjalankan siasatan, rondaan ataupun mengambil tindakan disesuatu tempat hanya akan diberikan kepada anggota-anggota penguatkuasa sejurus sebelum mereka keluar ke tempat operasi. Ini bermakna, arahan hanya akan diberikan apabila anggota penguatkuasa telah siap berpakaian seragam penguatkuasa, telah menyimpan telepong bimbit peribadi masing-masing dan terus bergerak ke tempat operasi.



3.9 **Buku laporan.**

- 3.9.1. Semua PBT hendaklah membekalkan semua anggota penguatkuasa dengan sebuah buku laporan kecil semasa mereka keluar membuat siasatan, rondaan ataupun tindakan.
- 3.9.2. Anggota penguatkuasa hendaklah membuat laporan ringkas mengenai hasil setiap siasatan dan tindakan yang telah dan akan diambil.
- 3.9.3. PBT melalui pegawai penguatkuasa atau ketua unit penguatkuasa hendaklah membuat pemeriksaan ke atas buku laporan siasatan yang dikembalikan. Daripada laporan ini, pegawai boleh mengenalpasti sekiranya terdapat ulangan kesalahan dari orang yang sama dan sama ada tindakan-tindakan yang diambil itu sama saja atau tiada tindakan langsung.

3.10 **Pemeriksaan mengejut di tempat operasi.**

- 3.10.1. Sekiranya pada pandangan PBT terdapat perkara-perkara yang memusyikikan, maka PBT bolehlah membuat pemeriksaan mengejut di tempat-tempat operasi atau ke atas tempat-tempat yang diarahkan untuk diambil tindakan bagi memastikan sama ada ianya dilaksanakan atau tidak.

4. **PEMAKAIAN:**

Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Ianya hendaklah dianggap sebagai satu ketetapan yang mesti diikuti oleh semua PBT disamping aspek-aspek pengawalan yang lainnya yang mungkin terdapat dan dipraktikkan di PBT masing-masing.

5. **KUATKUASA:**

Tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah dari tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah terus terpakai sehingga ada satu pekeliling lain yang mengantikannya.

**(DATO' HAJI AYUB BIN MION)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

BERTARIKH: 19 Ogos 2003.